

Newspaper
Date

Utusan Malaysia
29 February 2016

Peruntukan tambahan pembangunan hasil lawatan Perdana Menteri sejak 2009

Sarawak dapat lebih RM1b

Um - 29/2/2016

Oleh ANGELINA SINYANG
pengarang@utusan.com.my

■ SARATOK 28 FEB.

RAKYAT Sarawak telah memperoleh peruntukan tambahan untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan bernilai lebih RM1 bilion daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang diluluskan melalui program lawatannya ke negeri ini sejak 2009.

Menurut Najib, beliau telah me-

lawat banyak tempat di Sarawak, bukan sahaja kawasan bandar di Sibu, Kuching dan Miri tetapi pedalaman seperti Bario, Kapit, Ulu Lachau manakala ke Saratok hari ini merupakan lawatan keduanya.

Katanya, pada kali pertama sampai ke Saratok, beliau telah berjanji kepada penduduk bandar ini yang ketika itu menghadapi masalah bekalan air untuk meluluskan peruntukan sebanyak RM8.8 juta bagi melaksanakan projek pembahagian air dari rumah ke rumah yang sepa-

tutnya ditanggung oleh kerajaan negeri dan gembira apabila projek itu kini sudah disiapkan.

"Sepanjang saya membuat lawatan tinjauan mesra ke negeri ini, individu yang menjadi tukang catat rekod lawatan saya ialah Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Alfred Jabu Numpang.

"Pagi tadi, beliau telah menunjukkan peta lawatan saya ke negeri ini sejak 2009 yang sudah memenuhi dua muka di mana ia mencatatkan kawasan-kawasan sudah saya

sampai sebagai Perdana Menteri, sekali gus membuktikan kebenaran kata Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem bahawa saya merupakan Perdana Menteri paling kerap melawat dan prihatin dengan rakyat Sarawak.

"Bukan sahaja melawat, saya juga luluskan peruntukan tambahan yang tidak termasuk dalam belanjawan negara bernilai lebih RM1 bilion untuk Sarawak menjalankan projek besar dan kecil," katanya berucap merasmikan Program Sejiwa Senada 2016 di Dataran Saratok, di sini hari ini.



Bukan sahaja melawat, saya juga luluskan peruntukan tambahan yang tidak termasuk dalam belanjawan negara bernilai lebih RMI bilion."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri



NAJIB TUN RAZAK dan Adenan Satem (empat, kiri) mengangkat tangan tanda sokongan dalam majlis Perasmian Program Sejiwa Senada 2016 Kerajaan Bersama Rakyat di Kuching, Sarawak, semalam. - BERNAMA